

SANGGUP BINA TEROWONG

PATI bina terowong bawah rumah untuk lolos diri jika diserbu pihak berkuasa

- Jabatan Imigresen Malaysia berjaya membongkar taktik pendarang asing tanpa izin (PATI) yang membina terowong rahsia di kawasan penempatan setinggan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur bertujuan meloloskan diri jika diserbu pihak berkuasa.
- Serbuan kira-kira jam 2 pagi Ahad itu mendapati laluan bawah rumah itu ditutupi dengan lapisan kayu dan dibina di kawasan lopak air dan berlecah bagi menyukarkan pergerakan pihak berkuasa.
- Seramai 93 warga asing terdiri daripada 47 lelaki, 33 wanita dan 13 kanak-kanak ditahan dalam Ops Sapu tersebut.

2



Seorang PATI cuba meloloskan diri menggunakan laluan rahsia di bawah rumah semasa diserbu Imigresen Kuala Lumpur di Pantai Dalam pada Ahad.

Bina laluan rahsia bawah rumah

93 PATI berjaya ditahan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Jabatan Imigresen Malaysia berjaya membongkar taktik pendatang asing tanpa izin (PATI) yang membina terowong bawah rumah di penempatan setinggan di Pantai Dalam, di sini bertujuan memudahkan mereka meloloskan diri jika diserbu pihak berkuasa.

Serban kira-kira jam 2 pagi Ahad itu mendapati beberapa kawasan rumah di situ mempunyai laluan bawah rumah yang ditutupi dengan lapisan kayu.

Pihak berkuasa mengesyaki penghuni rumah itu menggali tanah di bawah rumah sebagai laluan keluar.

Bagi menyukarkan lagi tindakan pihak berkuasa, terowong itu dibina di kawasan lopak air dan berlecek.

Operasi Ops Sapu itu turut mengesan aktiviti PATI yang leka bermain judi daun terup selain menemui peralatan disyaki digunakan untuk menghisap dadah.



SYAMSUL BADRIN

Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin berkata, operasi bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) itu berjaya menahan 93 warga asing terdiri daripada 47 lelaki, 33 wanita, 10 kanak-kanak lelaki dan tiga kanak-kanak perempuan berusia antara satu hingga 60 tahun.

“Daripada jumlah itu, seramai 62 individu yang ditahan adalah warganya Indonesia, manakala seorang lagi adalah lelaki Myanmar.

“Kesemua mereka didapati tidak mempunyai dokumen sah serta tinggal lebih masa,” katanya kepada pemberita di lokasi serbuan.

Syamsul Badrin berkata, serbuan hasil risikan selama dua minggu itu dibuat selepas pihaknya menerima aduan daripada penduduk setempat mengenai kehadiran warga asing yang ramai di kawasan terbabit.

Katanya, kebanyakan PATI yang ditahan bekerja sebagai buruh binaan bagi lelaki, manakala wanita bekerja sebagai tukang cuci dan mengambil upah membuat kuih.

“Siasatan awal mendapati PATI menyewa rumah terbabit pada harga RM200 hingga RM300 sebulan bagi satu bilik di kawasan itu,” katanya.

Beliau berkata, kawasan setinggan terbabit pernah diserbu



Imigresen menahan 93 PATI dalam Ops Sapu di kawasan penempatan setinggan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur pada Ahad.

beberapa kali oleh pihak berkuasa sejak tahun 2015.

“Jika dilihat, ada rumah di kawasan ini sudah diubah suai oleh PATI dengan membina lubang rahsia untuk memasuki terowong khas di bawah rumah serta laluan tikus sebagai persediaan untuk mereka melarikan diri sekiranya diserbu pihak berkuasa,” katanya.

Ujar beliau, semua PATI yang ditahan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil untuk proses dokumentasi serta siasatan lanjut mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 15(1)(c) akta sama.



Seorang PATI cuba terjun ke dalam longkang untuk meloloskan diri daripada ditahan Jabatan Imigresen Malaysia

